

17 MAY 2003

Najib-Amerika

M'SIA TELAH LAMA SEDIA TANGANI KEGANASAN - NAJIB

PARIT, 17 Mei (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata nasihat Amerika Syarikat kepada rakyatnya mengenai Malaysia adalah tidak wajar dan tidak adil kepada negara kerana ia tidak memberikan gambaran sebenar tentang keselamatan di Malaysia.

"Saya tidak nampak kenapa mereka perlu mengeluarkan kenyataan seperti ini," katanya hari ini mengulas nasihat Amerika Rabu lepas kepada rakyatnya supaya berhati-hati terhadap kemungkinan serangan penganas di beberapa negara termasuk Malaysia khususnya di Sabah.

"Kalau sebut risiko serangan penganas, di mana-mana pun ada risikonya dari segi keselamatan. Hakikatnya, risiko keselamatan di Malaysia lebih rendah berbanding negara maju termasuk negara-negara Eropah dan Amerika sendiri," katanya kepada pemberita selepas menutup Program Operasi Bakti Puteri Umno di Sekolah Kebangsaan Teluk Kepayang, Bota Kiri, dekat sini.

Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata Malaysia memang telah lama bersedia menghadapi sebarang ancaman kumpulan penganas melalui tindakan tegas pihak berkuasa malah sebelum berlakunya peristiwa serangan ke atas Amerika pada 11 Sept 2001 lagi.

Sebelum kejadian itu, negara telah mengambil tindakan seperti menahan anggota kumpulan militan dan pelampau dan sehingga sekarang mereka tidak mampu melancarkan serangan keganasan di negara ini.

"Bila timbul ancaman keganasan kumpulan Abu Sayyaf di Selatan Filipina dan Sabah, kita telah menempatkan ramai anggota keselamatan kita bagi menjaga Sabah," katanya.

Najib berkata hasil dari kawalan keselamatan di kawasan Sabah sehingga kini tidak lagi berlaku insiden yang boleh menimbulkan kekhuatiran tentang keselamatan dalam negara.

Jumlah anggota tentera dan polis yang ditempatkan di Sabah adalah mencukupi dan pengunjung-pengunjung pusat pelancongan di Sabah seperti di Pulau Sipadan dan beberapa pulau lain tidak berasa terancam, katanya.

Sementara itu di PULAU PINANG, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, ketika mengulas hal yang sama, berkata tindakan Amerika itu tidak berasas dan mempunyai agenda yang tersembunyi.

"Kenyataan yang dibuat oleh Amerika itu seperti ada agenda lain selain soal keselamatan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Karnival TV3 2003 - "Sure Heboh" di Tapak Pesta Sungai Nibong.

Dr Koh berkata negara sudah mempunyai trek rekod yang baik dari segi menjaga keamanan serta berjaya menangani pelbagai isu berkaitan keganasan.

Sementara itu, aktivitis sosial yang juga anggota Lembaga Pengarah Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Tan Sri Lee Lam Thye berkata tindakan Amerika itu bermotifkan politik dan bukan atas soal keselamatan.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata nasihat seperti itu diberikan kepada rakyat Amerika kerana Amerika takutkan bayang sendiri akibat kezaliman mereka.

-- BERNAMA

KAY NER DC RON